

12 NOV 2001

Mahathir-Islam

DR MAHATHIR YAKIN MALAYSIA BOLEH JADI NEGARA ISLAM TERKUAT

PUTRAJAYA, 12 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia boleh menjadi sebuah negara Islam terkuat sekiranya masyarakat Islam negara ini berpegang pada ajaran Islam yang sebenar.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, umat Islam di Malaysia perlu mempelajari ilmu-ilmu yang penting untuk membangunkan umat Islam di sini dan di tempat lain agar tidak ada lagi penghinaan terhadap mereka.

Berucap pada majlis dialog dengan 2,000 orang guru agama dari seluruh negara di sini, beliau berkata apa yang berlaku sekarang ialah umat Islam begitu lemah sehingga tidak mampu mempertahankan diri sendiri.

"Kalau ada usaha yang lebih, Insyaallah kita akan dapat adakan negara Islam yang cukup kuat. Bukan hajat kita nak jadi kuasa dunia tetapi kita perlu mempunyai kekuatan tertentu untuk melindungi umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata kekuatan tertentu itu akan datang sekiranya umat Islam berpegang teguh pada ajaran Islam sebenarnya.

Dalam masa yang sama umat Islam harus menekankan pegangan kepada nilai yang mulia supaya kejadian tidak bermoral seperti anak membakar bapa sendiri, bapa merogol anak dan sebagainya seperti yang dilaporkan dalam akhbar, tidak berlaku.

Perdana Menteri berkata perkara itu kini kerap dilaporkan dalam akhbar seperti berita mengenai seorang kanak-kanak berumur 10 tahun mendapat penyakit sifilis dan apabila ditanya guru mengapa, kanak-kanak itu menjawab "bapa buat".

"Di manakah moral umat Islam sehingga anak dirogol oleh bapa sendiri...dan ini bukan berlaku sekali dua, yang dibaca dalam surat khabar itu cuma sedikit sahaja.

"Sebenarnya ia kerap berlaku kerana ajaran moral dalam masyarakat kita telah hilang, sebaliknya tumpuan diberi kepada membenci orang itu dan orang ini terutama berkenaan politik," katanya.

Dr Mahathir berkata kerana tumpuan kepada politik, ajaran agama yang sebenarnya diabaikan dan inilah sebenarnya yang berlaku di kalangan umat Islam di negara ini.

"Kita berasa malu kerana kita lihat umat Islam diheret ke mahkamah, dibuat pertuduhan sebegini," katanya.

Dr Mahathir berharap guru-guru agama yang bertanggungjawab memberi penerangan tentang ajaran Islam sebenar, akan sedar tentang tanggungjawab yang berat itu dengan mengetepikan kepentingan lain dan memberi tumpuan kepada ajaran Islam.

"Cara sedemikian dapat membentuk satu masyarakat Islam yang mulia, yang berjaya dan mampu mempertahankan diri daripada serangan musuh," katanya.

Dr Mahathir juga meminta guru-guru agama supaya memberi didikan agama yang sebenar kepada kanak-kanak kerana ajaran yang diberikan kepada kanak-kanak cepat "lekat" kepada mereka.

Oleh itu, katanya, peranan guru adalah penting dalam membentuk moral seseorang kanak-kanak itu dalam menentukan sama ada mereka akan menjadi orang mulia atau sebaliknya pada masa depan.

Sambil memberi contoh larangan babi kepada umat Islam, beliau berkata bahawa sejak kecil lagi kanak-kanak dilatih dan diajar bahawa babi itu najis dan haram di sisi Islam, dan oleh itu, orang Melayu merasa jijik terhadap babi, malahan ada orang Melayu yang akan termuntah apabila melihat babi sedang dipanggang.

Dr Mahathir berkata keadaannya berbeza jika dibandingkan dengan

bangsa-bangsa lain yang beragama Islam.

Menyentuh nasib yang menimpa umat Islam di dunia sekarang, beliau berkata umat Islam ditekan, ditindas dan diserang kerana mereka lemah dan tidak berupaya mempertahankan diri sendiri.

Beliau berkata kelemahan itu berpunca daripada salah tafsiran mengenai ajaran Islam dan apa yang disampaikan itu tidak menepati kehendak Islam.

Masing-masing menekankan satu sudut sahaja iaitu pengetahuan agama manakala pengetahuan lain tidak diberi penekanan, katanya.

Dr Mahathir berkata, akibatnya banyak negara Islam tidak mampu mentadbir negara sendiri dan selalu berlaku peperangan, cubaan menjatuhkan kerajaan dan dengan itu tiada keamanan dan negara tidak dapat dimajukan.

Katanya keadaan adalah berbeza di zaman kegemilangan tamadun Islam lebih 1,000 tahun dahulu ketika umat Islam adalah kuasa dunia dengan empayar yang besar.

Umat Islam pada ketika itu juga menguasai semua jenis ilmu dan pihak lain tidak berani hendak mengancam umat Islam, katanya.

Dr Mahathir berkata, kini apabila umat Islam di Afghanistan dan Palestin dibunuh, umat Islam di negara-negara lain tidak mampu berbuat apa-apa sungguhpun terdapat negara Islam yang kaya seperti Arab Saudi.

Katanya umat Islam sekadar mampu membuat demonstrasi dan bantahan tetapi ini tidak dihiraukan oleh pihak berkenaan.

"Umat Islam berjumlah 1 bilion tetapi kuasa kita bukan kuasa 1 bilion manusia," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata lemahnya umat Islam bukan kerana orang lain tetapi kerana diri sendiri.

"Lemahnya kita bukan kerana agama Islam kerana jika kita ikut ajaran Islam, kita akan tetap jadi bangsa dan umat yang maju.

"Tetapi oleh kerana ada kepentingan lain, ada pihak membuat tafsiran salah (mengenai ajaran Islam) dan kerana tafsiran salah inilah, hari ini kita lihat umat Islam kini lemah dan tak mampu buat apa-apa untuk membantu umat Islam lain yang sedang menderita," kata Perdana Menteri.

--BERNAMA

AKT AFY MAI